


DILULUSKAN UNTUK SEBUT HARGA OLEH :



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

  
AFENDI BIN OSMAN  
Ketua Unit Kontrak Dan Perolehan  
Seksyen Projek Dan Penyelenggaraan  
Bahagian Pengurusan Aset  
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Johor Bahru, Johor

12/6/23

## NASKAH MEJA SEBUT HARGA

**SH/2023-21/D-1/AW/SPP**

**KERJA-KERJA PENGGANTIAN BUMBUNG DAN  
KOMPONEN BERKAITAN DI STOR TEKNIKAL  
DAN BANGUNAN SOKONGAN DI BLOK F53,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR  
BAHRU, JOHOR**

TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK :  WAJIB : \_\_\_\_\_

TIDAK WAJIB

TARIKH JUALAN : 14 JUN 2023 HINGGA : 21 JUN 2023

TARIKH TUTUP : 26 JUN 2023

PENYELARAS PROJEK : EN. MOHD HAFEZ BIN IDRIS  
(No. samb. : 017-778 3626)

JURUUKUR BAHAN

BERTANGGUNGJAWAB : PN. NORHERNANI BINTI MD NOR  
(No. samb.: 31200)

PAKEJ KERJA

SENIBINA  ELEKTRIKAL  MEKANIKAL  AWAM  LANDSKAP

Kepada,

**Penyebut Harga**

Tuan,

SEBUT HARGA BAGI : **KERJA-KERJA PENGGANTIAN BUMBUNG DAN KOMPONEN BERKAITAN DI STOR TEKNIKAL DAN BANGUNAN SOKONGAN DI BLOK F53, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

Sebut harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB, PKK atau ~~Kementerian Kewangan\*~~ dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut;-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
  - Gred : **G2**
  - Kategori : **B (Pembinaan Bangunan) @  
CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)**
  - Pengkhususan : **B04 (Kerja Am Bangunan) @  
CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)**
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*
- iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- v) ~~Sijil Kementerian Kewangan~~

Borang Sebut Harga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri bertanda **SH/2023-21/D-1/AW/SPP** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di **Unit Kontrak Dan Perolehan, Seksyen Projek Dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** sebelum atau pada 26 JUN 2023 jam 12.00 tengah hari.

Kenyataan Sebut Harga, Senarai Semakan Sebut Harga, Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-Syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja, Borang Sebut Harga, Ringkasan Sebut Harga, Jadual Kadar Harga, Maklumat Penyebut Harga dan Lokasi Kerja dikembarkan bersama-sama ini.

Naskah Sebut Harga ini dijual dengan harga sebanyak **RM50.00/naskah** *(dalam bentuk Wang Tunai/ Wang Pos/ Bank Draft)*

Pihak UTM tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga lain.

Sekian, terima kasih

**“Malaysia Madani”**

**“Berkhidmat untuk Negara”**

Saya yang menjalankan amanah,

**AFENDI BIN OSMAN**

Ketua Unit Kontrak Dan Perolehan

b.p. Naib Canselor

samb : 31201

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
JOHOR BAHRU**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut ;-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
  - Gred : **G2**
  - Kategori : **B (Pembinaan Bangunan) @  
CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)**
  - Pengkhususan : **B04 (Kerja Am Bangunan) @  
CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)**
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*
- iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- v) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan : -

dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

**KERJA-KERJA PENGGANTIAN BUMBUNG DAN KOMPONEN BERKAITAN DI STOR TEKNIKAL DAN BANGUNAN SOKONGAN DI BLOK F53, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR SH/2023-21 / 0-1 /AW/SPP**

2. Segala butiran dan Naskah Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Unit Kontrak Dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** dengan mengemukakan bayaran dokumentasi sebanyak **RM50.00** di atas nama **Bendahari, UTM Johor Bahru, Johor** dalam bentuk Wang Tunai/Wang Pos/Bank Draft.

3. Naskah Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Wakil-wakil Penyebut Harga yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran sahaja. Bagi Wakil-wakil Penyebut harga yang namanya tidak terdapat dalam Surat Pendaftaran hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Penyebut Harga/Wakil-wakil Penyebut Harga yang sah hendaklah membawa SURAT PENDAFTARAN ASAL yang dikeluarkan oleh LPIPM/CIDB, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR atau Kementerian Kewangan dan UTMfin (yang mana berkaitan)

4. Naskah Sebut Harga boleh diperolehi pada 14 JUN 2023 hingga 21 JUN 2023 mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang di **Unit Kontrak Dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor**. Naskah meja sebut harga juga boleh diperolehi secara atas talian menerusi pautan yang disediakan di akaun 'Facebook' rasmi Seksyen Projek dan Penyenggaraan dan lama sesawang rasmi <https://assets.utm.my>.

5. Sebut harga ini akan ditutup pada 26 JUN 2023. Naskah Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Unit Kontrak Dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.